



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **USAHAWAN PERLU ADAPTASI DENGAN NORMA BAHARU PERNIAGAAN**

**PUTRAJAYA, 19 November 2020** – Ketika sesi soalan menjawab berbangkit daripada YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Ahli Parlimen Sibuti di Dewan Rakyat pada 17 November 2020 merujuk kepada langkah khusus MEDAC membantu industri perniagaan berasaskan perkahwinan di Malaysia ketika negara dilanda pandemik COVID-19 yang terbeban dengan banyak pembatalan dan SOP yang ketat.

Dalam sesi soal jawab tersebut saya telah menekankan bahawa MEDAC melalui agensi seperti TEKUN Nasional menyediakan pembiayaan kepada semua sektor perniagaan dengan nilai sebanyak RM1,000 sehingga RM100,000. Usahawan boleh memohon untuk mendapatkan pembiayaan di bawah TEKUN Nasional melalui program pembiayaan sedia ada yang ditawarkan. Bagi tahun 2020, sehingga bulan Oktober, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan kepada seramai 49,901 orang usahawan di seluruh Malaysia, melibatkan nilai pembiayaan sebanyak RM557.3 juta.

MEDAC melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah menjalankan program bimbingan khas bagi pengamal industri perkahwinan sejak 2017, termasuk usahawan di dalam bidang catering, bridal, khemah dan lokasi. Seramai 120 orang usahawan telah dibimbing untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka. INSKEN sebagai pusat latihan keusahawanan juga telah menyalurkan pelbagai sesi latihan, coaching, dan mentoring kepada usahawan, antaranya:

- i. INSKEN Business Coaching (IBC) Wedding Planner;
- ii. INSKEN Business Training (IBT). Sehingga pertengahan Oktober 2020, sebanyak 118 sesi telah dijalankan yang melibatkan penyertaan 4,759 usahawan.
- iii. INSKEN e-BizClinic; dan
- iv. INSKEN BizLive.

Nasihat saya kepada usahawan yang terlibat dalam industri perkahwinan ini supaya dapat memperluaskan skop perniagaan kepada konsep yang berlandaskan norma baharu. Sebagai contoh usahawan yang terlibat dalam penyediaan makanan boleh menggunakan platform *food rider* seperti Grab, Food Panda, dan sebagainya.

Usahawan juga boleh mencuba perniagaan berlandaskan kepakaran dan kreativiti sedia ada. Sekiranya ada kepakaran dalam bidang pengendalian majlis perkahwinan, usahawan boleh mencuba untuk melebarkan konsep bagi mengendalikan majlis yang berskala kecil dan tidak tertumpu hanya kepada majlis perkahwinan sahaja.

MEDAC sentiasa sarankan kepada usahawan untuk adaptasi perniagaan dengan norma baharu kehidupan, perkasakan perniagaan melalui digitalization dan perhebatkan strategi promosi.

Kemaskan diri dan perniagaan dengan perkongsian pengetahuan yang disediakan secara percuma oleh Agensi Kerajaan bagi mendapatkan *the new way of doing business*.

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**